

# BINA

BULETIN  
KEMENTERIAN  
KERJAYA

SEP-DIS  
2018/03



**HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA**  
*Profesion Teknikal Pelopor Pembangunan*



# KANDUNGAN

## BERITA

- 3 Hari Profesion Teknikal Negara Peringkat JKR 2018
- 3 Lawatan Kerja Menteri Kerja Raya
- 4 Perasmian Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang
- 4 29 Pemain Industri Pembinaan Cemerlang Dirai pada MCIEA 2018
- 5 Projek Transformasi Terowong Lorong Motosikal Lebuhraya Persekutuan
- 5 Pemansuhan Kutipan Tol Motosikal di 3 Lokasi Bermula 1 Januari 2019
- 6 7 Syarikat Konsesi Lebuhraya Cemerlang dengan Rekod 35.7 Juta "Man-Hours" Sifar Kemalangan
- 6 Program Mega Toolbox 2018 Lebuhraya Setiawangsa - Pantai
- 7 Peserta Pertandingan World Skills Asia (WSA) Abu Dhabi, 2018 Dirai Atas Kejayaan 3 Emas dan 3 Perak
- 7 Pertandingan Akhir Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2018
- 18 Kejohanan Sukan Kerja Raya 2018

## BERITA KHAS

- 8 & 9 Malam Penghargaan Media KKR dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018
- 10 & 11 Siri Jelajah FTROADPEDIA Pan Borneo Sarawak "Ciptadetik Indah Bersama"

## LENSA BINA

12 - 17

## KERATAN AKHBAR

19

# HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA PERINGKAT JKR 2018



**K**UALA LUMPUR, 4 DISEMBER 2018 - Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara Peringkat Jabatan Kerja Raya (JKR), bertemakan “Profesion Teknikal Pelopor Pembangunan” julung kali diadakan dan dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian di Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.

Program selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Disember 2018 diadakan berikutan pengumuman Kerajaan bahawa hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun merupakan Hari Profesion Teknikal Negara. Objektif utama sambutan ini adalah bagi mengiktiraf dan menghargai khidmat bakti para profesion teknikal negara, khususnya warga JKR Malaysia.

Antara pengisiannya adalah penyampaian Anugerah Tokoh Teknikal Peringkat JKR Tahun 2018 kepada YBhg. Tan Sri Ir. Dr. Jamilus Hussein, perkongsian kertas kerja teknikal, pameran jentera berat yang berjaya menarik penyertaan peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta, para akademik universiti, pelajar sekolah serta orang awam.

## LAWATAN MENTERI KE JKR PERAK

**I**POH, 13 SEPTEMBER 2018: Menteri Besar Perak YAB Tuan Ahmad Faizal Bin Azumu telah menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian di Pejabat Menteri Besar Perak, Ipoh yang bertujuan membincangkan isu- isu berkaitan dengan pembangunan infrastruktur.

Menteri Kerja Raya kemudiannya melawat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Perak dan telah disambut oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Perak, YBrs. Ir. Hj. Ahameed Tarmizi Bin Ramli. Lawatan Menteri Kerja Raya diakhiri dengan lawatan kerja meninjau kemajuan kerja projek pembinaan kompleks wanita dan kanak-kanak serta pusat kardiologi di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Perak yang merupakan projek dibawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10).

Skop pembinaan hospital ini meliputi Pembinaan satu blok bangunan hospital 10 tingkat menempatkan 404 buah katil, enam bilik bedah, 18 bilik bersalin, Peralatan x-ray dan mesin angio Kemudahan lif, parkir kereta dan motosikal.



# PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN FR5 DARI SABAK BERNAM KE HUTAN MELINTANG



**S**ABAK BERNAM, SELANGOR, 12 OKTOBER 2018 – YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya telah merasmikan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam, Selangor ke Hutan Melintang, Perak yang telah siap dan telah dibuka kepada pengguna pada 25 Jun 2018.

Projek Menaiktaraf ini adalah projek di bawah RMKe-10 yang merupakan sebahagian daripada projek Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat (WCE)

dengan kos kontrak sebanyak RM164.19 juta dan dilaksanakan secara Konvensional Perunding oleh Syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. bermula pada 27 Julai 2015.

Skop projek ini meliputi kerja menaiktaraf jalan tunggal 2 lorong sedia ada kepada jalan berkembar 4 lorong sepanjang lima (5) kilometer bertujuan menyurai kesesakan trafik akibat situasi 'bottleneck' di laluan Sabak Bernam ke Hutan Melintang.

## 29 PEMAIN INDUSTRI PEMBINAAN CEMERLANG DIRAI PADA MCIEA 2018



**K**UALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2018 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) meraikan pencapaian 29 pemain industri di Malam Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan, *Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) 2018*. MCIEA yang diperkenalkan pada tahun 2000 merupakan anugerah berprestij tahunan industri pembinaan bagi mengiktiraf individu dan organisasi yang menunjukkan kecemerlangan dalam sektor pembinaan. Sebanyak 195 pencalonan diterima bagi 22 anugerah di bawah 10 kategori.

Syarikat WCT Berhad menggondol dua anugerah utama iaitu "Builder of the Year Award" dan "International Achievement Award", untuk projek *Ministry of Interior Headquarters* di Wadi Al Sail, Qatar. Anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya. Antara kategori yang turut dipertandingkan pada MCIEA kali ini ialah Anugerah Pembinaan Utama Wanita, Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Tahunan, Kontraktor Terbaik, Projek Terbaik, Pencapaian Antarabangsa, Keselamatan dan Kesihatan, anugerah IBS, Inovasi, Jurubina Terbaik dan anugerah Individu.



## PROJEK TRANSFORMASI TEROWONG LORONG MOTOSIKAL **LEBUHRAYA PERSEKUTUAN**

**P**ETALING JAYA, 6 SEPTEMBER 2018: Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian meninjau hasil Projek Transformasi Terowong Lorong Motosikal Lebuhraya Persekutuan FT02 di Sungai Way, Petaling Jaya yang merupakan projek perintis yang akan dilaksanakan secara berperingkat kepada kesemua 14 terowong.

Projek ini bertujuan untuk memberikan keselesaan dan keselamatan kepada para penunggang motosikal dengan penggunaan bahan turapan yang bersesuaian, lorong berwarna, ruang terowong yang lebih cerah beserta sistem perparitan yang lebih baik bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Terowong Motosikal Terowong Nan Yang Siang Pau (arah Kuala Lumpur) dan Terowong Jalan Utara (arah Kuala Lumpur) merupakan lokasi terpilih seterusnya. Menteri Kerja Raya juga dibawa melawat kerja-kerja pembinaan jejambat motorsikal 'overhead motorcycle bridge' di Jalan Templer untuk mengetahui status semasa projek tersebut.

## PEMANSUHAN KUTIPAN TOL MOTOSIKAL DI 3 **LOKASI BERMULA 1 JANUARI 2019**

**J**OHOR BAHRU, 31 Disember 2018 - Pemansuhan kutipan tol bagi motosikal di Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia - Singapura (LINKEDUA) di Johor dan Jambatan Pulau Pinang (JPP) serta Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JSAHMS) di Pulau Pinang telah berkuatkuasa pada 12.01 pagi, 1 Januari 2019 selaras dengan pengumuman YB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018.

Pemansuhan bayaran tol bagi motosikal ini sekaligus akan memberi manfaat kepada hampir 20 ribu pengguna lebuhraya yang menggunakan motosikal di JPP dan 2 ribu di JSAHM serta 50

ribu pengguna motosikal di Plaza Tol Tanjung Kupang, LINKEDUA yang menggunakan laluan tol berkenaan setiap hari.

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Haji Anuar b. Mohd Tahir telah hadir ke Majlis Pemansuhan Kutipan Tol di Lebuhraya LINKEDUA. JPP dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya LINKEDUA dibawah kendalian Syarikat Konsesi PLUS Malaysia Berhad manakala JSAHM dibawah kendalian Syarikat Konsesi Jambatan Kedua Sdn. Bhd.



# 7 SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA CEMERLANG DENGAN REKOD 35.7 JUTA “MAN-HOURS” SIFAR KEMALANGAN



**K**UALA LUMPUR, 4 OKTOBER 2018 – Tujuh syarikat konsesi lebuhraya yang masih di dalam peringkat pembinaan dan merekodkan pencapaian cemerlang mencatatkan 35.7 Juta “*Man-Hours without Lost-time Injury (LTI)*” atau **SIFAR KEMALANGAN** bermula dari tarikh pembinaan sehingga bulan Julai 2018 telah dirai dalam satu majlis di Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE). Ia dirasmikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia.

Syarikat konsesi lebuhraya yang terlibat adalah EKVE Sdn. Bhd. (mewakili Lebuhraya EKVE), MAJU Expressway Sdn. Bhd. (mewakili Lebuhraya MEX 2), KESTURI Sdn. Bhd. (mewakili Lebuhraya SPE), PROLINTAS Sdn. Bhd. (mewakili Lebuhraya SUKE and DASH), West Coast Expressway Sdn. Bhd. (mewakili Lebuhraya WCE) and PLUS Malaysia Bhd. (mewakili Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia).

Pada majlis yang sama, EKVE Sdn. Bhd. turut melancarkan program “*Mega Toolbox 2018*” yang merupakan inisiatif oleh LLM untuk memastikan komitmen pihak pengurusan konsesi terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



## PROGRAM MEGA TOOLBOX 2018 LEBUHRAYA SETIAWANGSA-PANTAI

**W**ANGSAMAJU, 28 NOVEMBER 2018 – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah menggerakkan satu inisiatif dalam memupuk kesedaran akan pentingnya keselamatan dan kesihatan kakitangan setiap konsesi yang bekerja di tapak binaan melalui program Mega Toolbox 2018 selari dengan prinsip peraturan sendiri atau ‘self regulation’ yang menjadi teras Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).

Program yang bertemakan “*Safety is Mandatory, Progress is Compulsory*” ini dianjurkan oleh Lebuhraya DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd. bertempat di Pejabat Tapak Seksyen 4, Lebuhraya Setiawangsa - Pantai (SPE), Wangsa Maju dan dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya.

Turut diadakan adalah acara Penyampaian Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tapak Pembinaan kepada BAUER Sdn.Bhd (Emas), Juang Antara Bina Sdn Bhd (Perak) dan PC Geotechnic Sdn.Bhd (Gangsa).



## PESERTA PERTANDINGAN WORLD SKILLS ASIA (WSA) ABU DHABI, 2018 DIRAI ATAS KEJAYAAN 3 EMAS DAN 3 PERAK

**S**EPANG, 2 DISEMBER 2018 - Malaysia telah menyertai pertandingan kemahiran peringkat rantau Asia iaitu WorldSkills Asia (WSA) yang julung kali diadakan bermula 26 sehingga 30 November 2018 melibatkan penyertaan sebanyak 19 buah Negara termasuk Malaysia. Pertandingan WSA 2018 dianjurkan oleh Abu Dhabi Centre for Technical and Vocational Education and Training (ACTVET) dan telah diadakan di Abu Dhabi National Exhibition Centre (ADNEC).

Kepulangan kontinjen Malaysia telah disambut oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Mohd Anuar Mohd Tahir. Daripada 8 orang peserta rasmi negara, 6 orang telah Berjaya meraih pingat iaitu 3 pingat emas dan 3 pingat perak. Peserta tidak rasmi merupakan peserta tambahan dari setiap Negara dan seramai 5 orang telah dianugerahkan Medallion for Excellence. Penyertaan Negara ke WSA 2018 ini adalah sebagai latihan persediaan peserta untuk menyertai WorldSkills Competition (WSC) 2019 yang akan diadakan di Kazan, Russia.

## PERTANDINGAN AKHIR WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2018

**S**INTOK, 29 SEPTEMBER 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir telah merasmikan Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2018 Peringkat Akhir di Auditorium, Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Sintok Kedah melibatkan seramai 75 orang peserta.

WSMB dianjurkan Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan ABM merupakan satu pertandingan kemahiran tahunan bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir terbaik dalam bidang yang dipelajari.

Pertandingan ini diadakan pada 26 September hingga 1 Oktober 2018 meliputi sembilan bidang kemahiran pembinaan iaitu *Electrical Installation, Bricklaying, Plumbing & Heating, Welding, Mechanical Eng. Design CAD, Painting & Decorating, Refrigeration & Air Conditioning, Wall & Floor Tiling, dan Joinery.*



# MALAM PENGHARGAAN MEDIA KKR DAN ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2018

## ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2018 KKR - SARAWAK

- Hotel Pullman, Kuching
- 20 Oktober 2018
- Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), dimenangi Borneo Post menerusi wartawannya, Rachel Lau Ker Qing dengan karya bertajuk 'China's Belt & Road : What's in it for Malaysia?'.
- Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian, dimenangi RTM Sibu menerusi wartawannya, Ruth Ampong & Johnny Bilon menerusi liputannya, 'Pan Borneo Jajaran Sungai Awik'.
- Kategori Fotografi dimenangi The Star menerusi jurugambarnya Zulazhar Sheblee, dengan gambarnya yang bertajuk 'Into the Sunset - A view of the Pan Borneo'.



**K**ementerian Kerja Raya (KKR) bersama agensinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menganjurkan Malam Penghargaan Media KKR dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018 (AMP) yang merupakan majlis tahunan edisi keempat.

Anugerah ini bertujuan menghargai peranan pihak media dalam menyebarkan peranan Kementerian berhubung pembangunan infrastruktur dan pembinaan serta inisiatif-inisiatif Kerajaan menerusi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Penyertaan terbuka kepada semua wartawan arus perdana di tiga lokasi liputan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

AMP 2018 dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Anugerah Media Cetak dan Portal Berita, Anugerah Media Penyiaran Televisyen dan Video Dalam Talian dan Anugerah Fotografi.

Kesemua pemenang menerima sijil penyertaan dan wang tunai termasuk trofi. Wang tunai sebanyak RM5,000 untuk tempat pertama, RM3,000 untuk pemenang kedua manakala RM2,000 untuk tempat ketiga.

Anugerah disampaikan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian, Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Seri Zohari Akob dan Ketua Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid.



## ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2018 KKR - SEMENANJUNG MALAYSIA

- Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur
- 3 Disember 2018
- kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), dimenangi Berita Harian dengan liputan bertajuk "Operasi kren dimonopoli warga asing & CIDB lahir 1,200 pelatih pengendalian kren setahun"
- Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dimenangi oleh RTM, bagi liputan "Potensi kerjaya industri binaan".
- Kategori Fotografi dimenangi jurufoto BERNAMA, Mohd Hafizie Mahamad Shabudin dengan foto bertemakan Pembangunan Tun Razak (TRX).

## ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2018 KKR - SABAH

- Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu
- 14 Oktober 2018
- Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), dimenangi Daily Express menerusi wartawannya, Sardathisa A/L G.M James dan Mary Chin dengan karya bertajuk '*The case for greater IBS use in Sabah*'.
- Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian, dimenangi RTM Sabah menerusi liputannya, 'Terowong Sepanggar'.
- Kategori Fotografi, suguhati dimenangi See Hua Daily News menerusi jurugambarnya Tseu Kui Jin, dengan gambarnya yang bertajuk '*Collapse*'.



# SIRI JELAJAH FTROADPEDIA SARAWAK “CIPTA DETIK INDONESIA”



Jelajah FTRoadpedia Pan Borneo Sarawak merupakan siri turun padang pihak pengurusan Kementerian Kerja Raya (KKR) melihat kemajuan kerja projek infrastruktur Negara yang merupakan teras perkhidmatan Kementerian.

Jelajah selama tiga hari yang bermula 29 September hingga 1 Oktober 2018 ini disertai oleh Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari Akob, Pegawai-pegawai KKR, JKR, CIDB, LLM serta pegawai Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) Sarawak, Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) Sarawak, pihak pengurusan Projek Rakan Penyampai untuk Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd (LBU) serta pihak media.

Pasukan ini melawat kesemua 11 pakej kerja yang telah bermula dari tahun 2015 bermula dari Telok Melano hingga ke Miri yang turut terdapat 115 buah jambatan di sepanjang jajaran tersebut.

Peserta jelajah turut diberi taklimat penggunaan teknologi *Sistem Pengurusan Projek Bersepadu (IPMS)* yang menggunakan data alam sekitar, Permodelan Infomasi Lebuhraya 3D dan sistem pengurusan projek untuk memantau kemajuan kerja, yang berupaya menghubungkan kesemua pasukan di tapak dan untuk tujuan pelaporan.



HARI PERTAMA (29 SEPTEMBER 2018)

## TELOK MELANO - KUCHING

- Jajaran Telok Melano - Sematan (Pakej Kerja 01) sepanjang 33 kilometer (km)
  - Peringkat penurunan, pemasangan penghadang jalan, papan tanda jalan, tiang lampu jalan
  - Terdapat 6 pembinaan jambatan iaitu Jambatan Sungai Siru, Kerambai, Pueh, Sungai Belinsah, Sungai Beduan dan Sungai Samunsam
  - Berpotensi sebagai lokasi sektor pelancongan yang mampu menyumbang kepada ekonomi penduduk
- Jajaran Sematan - Sungai Moyan (Pakej Kerja 02)
  - Melawat tapak pembinaan dua persimpangan iaitu Lundu dan Bau
  - 4 projek persimpangan lain ialah Batu 4 1/2, Batu 6, Batu 7 dan Batu 10.

# PAN BORNEO AH BERSAMA”



## HARI KEDUA (1 OKTOBER 2018)

### KUCHING - SIBU

- Perasmian upacara pecah tanah menaiktaraf sekolah daif di SK Sungai Buloh, Selangau, Sarawak oleh Menteri Kerja Raya
  - dibawah selian syarikat Musyati-Mudajaya JV Sdn Bhd, kontraktor utama bagi pakej kerja 08 (Jambatan Sungai Kua – Jambatan Sungai Arip), sebagai sebahagian daripada tanggungjawab program sosial korporat.
- Lawatan tapak projek persimpangan bertingkat Nyabau, Bintulu
  - Membantu penyuraian aliran trafik kenderaan berulang-alik dari Sibu ke Miri
  - Kerja – kerja telah dimulakan pada Mac 2017 dan dijangka siap menjelang penghujung tahun 2020.
- Lawatan ke Pakej Kerja 11 (Jalan Pautan Sungai Tangap - Pujut, Miri).

## HARI KETIGA (30 SEPTEMBER 2018)

### SIBU - BINTULU - MIRI

- Perasmian pelepasan pasukan JelajahFTRoadpedia Pan Borneo Sarawak oleh Menteri Kerja Raya
- Lawatan jajaran Bulatan Serian – Simpang Pantu (Pakej Kerja 03) sepanjang 75km
- Lawatan jajaran Simpang Pantu – Batang Skrang (Pakej Kerja 04) sepanjang 89 km, tapak kerja yang menyediakan pusat latihan dan kuarters penginapan pekerja berpusat
- Lawatan jajaran Batang Skrang - Sungai Awik (Pakej Kerja 05) sejauh 68 km.
- Lawatan jajaran Jambatan Sungai Awik – persimpangan Bintagor (Pakej Kerja 06 sepanjang 64 km).
- Lawatan projek Jambatan Batang Rajang di Persimpangan Bintagor – Persimpangan Julau dan Lapangan Terbang Sibu - Jambatan Sungai Kua (Pakej Kerja 07 sepanjang 76km).
  - Jambatan berkembar merentasi Sungai Rajang atau lebih dikenali sebagai Jambatan Durin
  - Jambatan terpanjang yang akan dibina dibawah projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan jarak 1.708km.
  - Binaannya menyerupai jambatan sedia ada dengan tiga lorong, berkelebaran 150 meter dengan ketinggian 20 meter.

## Konvensyen Persekutuan Persatuan Kontraktor Asia dan Pasifik Barat (IFAWPCA) Ke-44

Kuala Lumpur Convention Centre  
13 November 2018



## 10th MALAYSIAN ROAD CONFERENCE & EXHIBITION 2018 AND PIARC INTERNATIONAL SEMINAR ON ASSET MANAGEMENT

29 October 2018  
Kuala Lumpur, Malaysia

GLOBAL APPROACHES TO ADVANCE ROAD ASSET MANAGEMENT

## 10th Malaysia Road Conference 2018 (MRC) and PIARC International Seminar on Asset Management

Pusat Konvensyen Sunway  
Pyramid

29 - 30 Oktober 2018



## Seminar on Slopes Engineering Malaysia 2018 (SoSEM)

Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid,  
Kompleks Kerja Raya

4 September 2018



# B I N A

## 210 Graduasi ABM Wilayah Tengah Diraikan

ABM Wilayah Tengah  
17 Disember 2018



## Hari Kerjaya Dan Libat Urus KKR dan Agensi di Lawas, Sarawak

Daerah Lawas  
15 Disember 2018



## Pembukaan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral, Lebuhraya Baru Pantai (NPE)

Pantai Dalam  
13 Disember 2018



## Perasmian Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia di Lebu Raya Elite

Lebu raya ELITE

26 November 2018



## MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR SERENIA

diwakili  
YB TUAN BARU BIAN  
Menteri Kerja Raya Malaysia

26 November 2018



## Lawatan Kerja Tapak Cadangan Hospital Baru Sri Aman, Sarawak

Sri Aman, Sarawak

24 November 2018



## Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2018

Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya

13 Oktober 2018



# B I N A

## Lawatan Rasmi Menteri Kerja Raya dan Timbalan Menteri Kerja Raya ke Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

Ibu Pejabat LJM, Blok F JKR

10 Oktober 2018



## Hari Inovasi Jabatan Kerja Raya 2018

Hotel Grand Renai, Kota Bharu

2 Oktober 2018



## Konvensyen Antarabangsa Juru Ukur Bahan (QSIC) 2018

Pusat Konvensyen Sime Darby

22 Oktober 2018



## Majlis Meraikan Persaraan Warga Kerja Raya 2018

Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya

22 November 2018



## Sambutan Hari Integriti dan Hari Psikologi 2018 KKR

Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid,  
Kompleks Kerja Raya

1 November 2018



## Lawatan Kerja Menteri Kerja Raya Ke S.K. Ulu Sungai Salim Sibu, Sarawak

Sekolah Kebangsaan Ulu Sungai  
Salim di Sibu, Sarawak

8 September 2018



Unit Komunikasi Korporat  
KEMENTERIAN KERJA RAYA

# B I N A

## Gala Dinner Kelab Sukan dan Kebajikan KKR (KSKKKR) 2018

Grand Ballroom, Hotel Flamingo

1 Disember 2018



## Hari Inovasi Peringkat Kementerian Kerja Raya 2018

Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid

30 Oktober 2018



## Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Kerja Raya ke Negeri Kedah

Yan, Kedah

8 Oktober 2018





# KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2018

POH, 14 NOVEMBER 2018 – Kejuhanan Sukan Kerja Raya 2018 (SKR 2018) kali yang ke-9 anjuran Kementerian Kerja Raya, JKR Negeri Perak dan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) telah diadakan di sekitar Ipoh, Perak selama 4 hari bermula 14 hingga 17 November 2018.

Pada kejuhanan kali ini, Kontinjen PLUS telah Berjaya meraih gelaran juara keseluruhan kejuhanan dengan meraih kutipan 4 emas, 5 perak dan 1 gangsa. Penganjuran temasya sukan dwitahunan ini telah dirasmikan pembukaannya oleh YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd. Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya, manakala perasmian penutupannya oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya.

Pada SKR 2018 kali ini, sebanyak 26 kontinjen telah turut serta dalam 16 acara sukan yang dipertandingkan dengan melibatkan seramai 1,585 orang peserta. Acara yang dipertandingkan adalah bola sepak, bola jaring, bowling, golf, badminton, bola tampar, sepak takraw, dart, karom, ping pong, catur, futsal, boling padang dan mountain bike.



# KERATAN AKHBAR


## 185 pekerja binaan warga asing, kontraktor ditahan bekerja tanpa perakuan CIDB Padah kerja tanpa pengesahan



**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 185 pekerja binaan warga asing dan kontraktor ditahan bekerja tanpa perakuan CIDB padah kerja tanpa pengesahan. Menurut Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, pihaknya telah menerima laporan mengenai perkara ini. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang melanggar peraturan. "Kami akan memastikan bahawa semua pekerja binaan yang bekerja di negara ini mempunyai perakuan CIDB yang sah," katanya.



**Projek lebuh raya Suke, Dash siap 2020**  
Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek lebuh raya Suke di Sarawak akan siap menjelang tahun 2020. Beliau berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.



## Projek Hospital Seri Iskandar diutamakan

**IPoh** - Kerajaan akan memulakan projek Hospital Seri Iskandar diutamakan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## An end soon to traffic woes in Seri Kembangan

**KUALA LUMPUR** - Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek lebuh raya di Seri Kembangan akan menyelesaikan masalah kemacetan. Beliau berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Pameran mega 'As'...

**KUALA LUMPUR** - Pameran mega 'As' akan diadakan di Kuala Lumpur. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, pameran ini akan meningkatkan pengetahuan mengenai projek-projek pembangunan. "Kami akan memastikan bahawa pameran ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Works Minister: Provide WiFi at all R&Rs

**KUALA LUMPUR** - Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek lebuh raya akan menyediakan WiFi di semua R&R. Beliau berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## PLUS bakal buka 5 lagi stesen pengecas EV

**KUALA LUMPUR** - PLUS akan membuka 5 lagi stesen pengecas EV. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Lebuhraya Pan Borneo kekal tanpa tol

**KUALA LUMPUR** - Lebuhraya Pan Borneo kekal tanpa tol. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Help for dilapidated school

**KUALA LUMPUR** - Bantuan akan diberikan untuk membaiki sekolah yang rosak. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Sektor pembinaan catat pertumbuhan stabil

**KUALA LUMPUR** - Sektor pembinaan catat pertumbuhan stabil. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Kerajaan teliti keperluan projek rakyat



**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan teliti keperluan projek rakyat. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Boleh lalu



**KUALA LUMPUR** - Projek lebuh raya akan membolehkan lalu-laluan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Jalan Pesisir ubah landskap ekonomi Sarawak



**KUALA LUMPUR** - Jalan Pesisir akan mengubah landskap ekonomi Sarawak. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## PLUS tawar 10,000 RFID percuma



**KUALA LUMPUR** - PLUS tawar 10,000 RFID percuma. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## NEW INTERCHANGE TO REDUCE TRAVEL TIME



**KUALA LUMPUR** - Projek lebuh raya akan mengurangkan masa perjalanan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## Tol motosikal di tiga laluan dimansuhkan



**KUALA LUMPUR** - Tol motosikal di tiga laluan dimansuhkan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## PLUS transformasikan R&R bagi tarik pelanggan



**KUALA LUMPUR** - PLUS transformasikan R&R bagi tarik pelanggan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

## PLUS transformasikan R&R bagi tarik pelanggan



**KUALA LUMPUR** - PLUS transformasikan R&R bagi tarik pelanggan. Menteri Kerja Raya, Mohd Yusoff Yusoff, berkata, projek ini akan meningkatkan keselamatan dan kecekapan perjalanan di kawasan tersebut. "Kami akan memastikan bahawa projek ini dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual," katanya.

# SIDANG REDAKSI

## **Penaung**

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob  
Ketua Setiausaha KKR

## **Penasihat**

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha  
Pengurusan KKR

## **Ketua Pengarang**

Pn Noreha Mohd Ripin  
Ketua Komunikasi Korporat

## **Pengarang**

Hadi A. Kassim  
Fauzi Baharudin  
Nur Sailsa Kamaruddin Nor Zaman  
Nurfarahain Rozaman  
Nasharudin Zainal

## **Jurufoto**

Mohd Faisal Bin Sahbudin  
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad  
Jurufoto Unit Komunikasi Korporat KKR  
Jurufoto Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

## **Urusetia**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

KEMENTERIAN KERJA RAYA

-  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)
-  [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)
-  [KKR\\_MALAYSIA](https://www.instagram.com/KKR_MALAYSIA)
-  03 8000 8000
-  Kementerian Kerja Raya
-  @MOWorks
-  Kementerian Kerja Raya Malaysia



9 781565 924796

